

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4 & 5

NAMA PENUH :		KELAS :	TARIKH :
TAJUK :	PERIBAHASA	SK : 3.4 SP : 3.4.5	RUJUKAN : BUKU TEKS BM T4 & T5
KRITERIA KEJAYAAN :	1. Memahami maksud peribahasa. 2. Menyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi yang dinyatakan.		
AKTIVITI :	1. Murid dapat memahami maksud peribahasa. 2. Murid dapat menyatakan sekurang-kurang 80% peribahasa yang sesuai dengan situasi.		

LATIHAN 1

ARAHAN

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

SOALAN

Penduduk Taman Akram Jaya hidup tolong-menolong pada setiap masa terutamanya, ketika majlis keramaian. Penduduk Taman Akram Jaya juga tidak memandang pangkat dan harta seseorang sebaliknya orang yang kaya dan ternama sama-sama turun padang melakukan sebarang aktiviti kerana mereka beranggapan tidak turun darjat atau pangkat jika bergaul dengan orang yang biasa. Kehidupan penduduk Taman Akram Jaya sungguh aman dan harmoni kerana mereka bersatu hati, saling bersefahaman dengan sebarang pekerjaan baik yang sukar mahupun yang mudah.

[6 markah]

1

2

3

LATIHAN 2

ARAHAN

Baca perbualan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang terdapat dalam perbualan tersebut.

SOALAN

- Fatin: Saya kagum dengan kamu. Kamu pantas membuat kerja rumah terutamanya memasak untuk keluarga kamu.
- Alia : Saya dah biasalah Fatin, lagipun sejak kecil lagi ibu saya mendidik saya membuat kerja-kerja di dapur sehingga perkara yang susah akan menjadi mudah. Kamu lainlah dapat peluang belajar ke peringkat yang lebih tinggi, tak bolehlah nak duduk di dapur lama-lama.
- Fatin: Betullah tindakan emak awak itu. Sebagai anak perempuan, kita mestilah diajar semua kerja di dapur. Saya ingin belajar memasak daripada awak bila-bila masa.
- Alia : Boleh, yang penting awak ada kemahuan untuk memasak, kalau awak tak minat tentu awak tidak akan berjaya.

[6 markah]

1

2

3

LATIHAN 2

ARAHAN

Lihat gambar di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam gambar tersebut.

SOALAN



[6 markah]

1

2

3